



SIARAN MEDIA

SENTUHAN KASIH KPKT 4.0 PERKUKUH KELESTARIAN KOMUNITI DAN PEMILIKAN RUMAH RAKYAT DI JOHOR

SEGAMAT, 26 Jun 2026 – Program Sentuhan Kasih KPKT 4.0 diteruskan di Daerah Segamat menerusi siri **lawatan kerja Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Datuk Hajah Aiman Athirah binti Sabu** yang melibatkan pengisian bersama komuniti di Labis dan Felda Chemplak bagi memperkukuh agenda kelestarian, kesejahteraan komuniti serta pemilikan rumah rakyat.

Sebagai sebahagian daripada pengisian program, YB Datuk Hajah Aiman Athirah telah menghadiri **Program Agro MADANI** anjuran FAMA di Dataran Niaga Taman Tenang, Labis. Dalam program tersebut, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) turut menjayakan pelbagai aktiviti bagi meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai pengurusan sisa pepejal, amalan kitar semula dan konsep ekonomi kitaran ke arah mewujudkan komuniti yang lebih bersih, sihat dan mampan.

Menerusi sesi walkabout dan ramah mesra bersama komuniti setempat, beliau turut meninjau pelaksanaan aktiviti yang menyokong pembudayaan amalan lestari dalam kalangan masyarakat serta menggalakkan penglibatan komuniti dalam memelihara kebersihan dan kelestarian alam sekitar.

Dalam ucapan beliau, YB Datuk Hajah Aiman Athirah berkata, "Pencapaian Program Trash to Cash di Johor membuktikan bahawa sisa bukan lagi sekadar bahan buangan, sebaliknya mempunyai nilai ekonomi. Apabila budaya kitar semula dibudayakan, rakyat bukan sahaja menikmati persekitaran yang lebih bersih, malah berpeluang menjana pendapatan secara langsung."

Program Sentuhan Kasih KPKT 4.0 kemudiannya diteruskan dengan **Majlis Penyerahan Kunci Rumah oleh SPNB di Felda Chemplak** yang menyaksikan lima (5) buah keluarga menerima kediaman baharu masing-masing. Inisiatif ini merupakan sebahagian daripada komitmen berterusan Kerajaan MADANI dalam memperluas akses rakyat kepada perumahan yang selesa, selamat dan berkualiti.

Dalam majlis yang sama, beliau turut menyampaikan Bakul Rahmah kepada para penerima sebagai simbol keprihatinan kerajaan terhadap kebajikan dan kesejahteraan rakyat, khususnya golongan yang memerlukan.

Menurut beliau, perumahan yang berkualiti merupakan asas kepada pembentukan keluarga yang sejahtera dan komuniti yang mampan. "Kerajaan MADANI komited memastikan tiada rakyat yang tercicir daripada menikmati manfaat pembangunan negara. KPKT akan terus memperluaskan akses kepada perumahan yang selesa, selamat dan berkualiti di samping memperkukuh kesejahteraan komuniti secara menyeluruh," katanya.

Pelaksanaan Rumah Mesra Rakyat (RMR) dari tahun 2023 hingga 2026 sebanyak 20,750 unit telah berjaya disiapkan dan 1,422 unit dalam fasa pembinaan di seluruh negara. Manakala bagi negeri Johor, sebanyak 1,645 unit telah berjaya disiapkan dan 165 unit dalam fasa pembinaan.

Beliau berkata, Program Sentuhan Kasih KPKT 4.0 merupakan platform penting bagi kementerian untuk turun padang, menyantuni rakyat serta menilai keberkesanan pelaksanaan dasar dan inisiatif kerajaan secara langsung di lapangan agar manfaatnya dapat dirasakan oleh masyarakat.

KPKT akan terus memperkukuh kerjasama strategik bersama kementerian, kerajaan negeri, agensi pelaksana dan rakan kerjasama bagi memastikan agenda pembangunan komuniti, kelestarian alam sekitar serta penyediaan perumahan berkualiti dapat dilaksanakan secara inklusif selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI yang mengutamakan kesejahteraan, ihsan dan kemampanan.

#MalaysiaMADANI
#MalaysiaMADANI
#Kesejahteraan
#StrongerTogether
#DemiPertiwi
#UnityInDiversity
#RancakkanMADANI

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan (8) Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLAN Malaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan Oleh :

Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel media.ukk@kpkt.gov.my

